



31 Disember 2025
31 December 2025
P.U. (A) 470

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA
PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(JENIS KHIDMAT MASYARAKAT DAN CARA
PENGAWASAN PELAKSANAAN KHIDMAT
MASYARAKAT) 2025

*SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT
(TYPE OF COMMUNITY SERVICE AND MANNER OF
SUPERVISION OF PERFORMANCE OF COMMUNITY
SERVICE) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(JENIS KHIDMAT MASYARAKAT DAN CARA PENGAWASAN PELAKSANAAN KHIDMAT
MASYARAKAT) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 108(2)(sa) dan (sb) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Jenis Khidmat Masyarakat dan Cara Pengawasan Pelaksanaan Khidmat Masyarakat) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Jenis khidmat masyarakat

2. Jenis khidmat masyarakat yang hendaklah dilaksanakan di bawah suatu perintah khidmat masyarakat yang dibuat di bawah subseksyen 77B(1) Akta hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pengawasan oleh pegawai diberi kuasa

3. Pelaksanaan khidmat masyarakat di bawah suatu perintah khidmat masyarakat yang dibuat di bawah subseksyen 77B(1) Akta hendaklah diawasi oleh pegawai diberi kuasa mengikut cara yang berikut:

(a) untuk memberikan taklimat mengenai skop dan tatacara pelaksanaan suatu khidmat masyarakat;

(b) untuk menunjukkan cara penggunaan yang betul dan selamat bagi setiap peralatan;

- (c) untuk menerangkan tatacara keselamatan sebelum melaksanakan suatu khidmat masyarakat;
- (d) untuk memastikan langkah kawalan keselamatan diambil, termasuk menyediakan tanda amaran, sarung tangan, pelitup muka dan jaket keselamatan;
- (e) untuk mengawasi pelaksanaan suatu khidmat masyarakat;
- (f) untuk merekodkan kehadiran dan pelaksanaan suatu khidmat masyarakat; dan
- (g) untuk menyediakan suatu laporan mengenai pelaksanaan suatu khidmat masyarakat.

JADUAL

[Peraturan 2]

JENIS KHIDMAT MASYARAKAT

- (a) mengutip sisa pepejal
- (b) menyapu sisa pepejal
- (c) mencuci
- (d) mengemop lantai
- (e) mengecat
- (f) melupuskan sisa pepejal
- (g) memotong rumput
- (h) mengalihkan bangkai
- (i) membersihkan sarang labah-labah

Dibuat 29 Disember 2025
[KPKT.100-1/11/2 (19); PN(PU2)671/IX]

NGA KOR MING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT ACT 2007

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT (TYPE OF COMMUNITY SERVICE AND MANNER OF SUPERVISION OF PERFORMANCE OF COMMUNITY SERVICE) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 108(2)(*sa*) and (*sb*) of the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007 [*Act 672*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Solid Waste and Public Cleansing Management (Type of Community Service and Manner of Supervision of Performance of Community Service) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2026.

Type of community service

2. The type of community service to be performed under a community service order made under subsection 77B(1) of the Act shall be as specified in the Schedule.

Supervision by authorized officer

3. The performance of a community service under a community service order made under subsection 77B(1) of the Act shall be supervised by an authorized officer in the following manner:

(*a*) to give briefing on the scope and procedures of the performance of a community service;

(*b*) to demonstrate the proper and safe use of every equipment;

(*c*) to explain the safety procedures before performing a community service;

- (d) to ensure the safety control measures are taken, including providing the warning sign, gloves, face masks and safety jackets;
- (e) to monitor the performance of a community service;
- (f) to record the attendance and performance of a community service; and
- (g) to prepare a report on the performance of a community service.

SCHEDULE

[Regulation 2]

TYPE OF COMMUNITY SERVICE

- (a) picking up solid waste
- (b) sweeping solid waste
- (c) washing
- (d) mopping floors
- (e) painting
- (f) disposing of solid waste
- (g) cutting grass
- (h) removing carcasses
- (i) clearing cobwebs

Made 29 December 2025
[KPKT.100-1/11/2 (19); PN(PU2)671/IX]

NGA KOR MING
Minister of Housing and Local Government